

10 JAN 2000

Cuepacs-Bersara

CUEPACS MAHU JUMPA PERDANA MENTERI MENGENAI UMUR BERSARA WAJIB

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Cuepacs akan memohon pertemuan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekembalinya beliau dari bercuti di luar negeri bagi membincangkan cadangan melanjutkan umur bersara kakitangan awam sehingga usia 58 tahun.

Presidennya, N. Siva Subramaniam berkata, Cuepacs akan mengemukakan hujah-hujah tambahan bagi pertimbangan Dr Mahathir yang akan bercuti mulai Rabu ini.

Sebuah akhbar melaporkan hari ini bahawa Kabinet telah menolak cadangan Cuepacs untuk melanjutkan had umur persaraan daripada 55 kepada 58 tahun.

"Berita itu hanya memetik sumber. Kita belum lagi dimaklumkan mengenai sebarang keputusan kerajaan," katanya di sini hari ini.

Siva berkata, Cuepacs akan mencadangkan supaya kerajaan mendapatkan persetujuan anggota sektor awam dalam tempoh satu tahun sebelum usia bersara wajib 55 tahun sama ada ingin meneruskan perkhidmatan secara opsyenal hingga 58 tahun atau sebaliknya.

Selain itu, anggota yang ingin meneruskan perkhidmatan perlu mendapat penilaian prestasi yang baik bagi tempoh satu hingga tiga tahun kebelakangan dan mengekalkan prestasi kerja baik dalam tempoh perkhidmatan secara opsyenal.

Katanya, kakitangan awam boleh diarah bersara secara wajib pada bila-bila masa dalam tempoh opsyenal jika kerajaan berpendapat tidak sesuai untuk meneruskan perkhidmatan atas sebab-sebab kepentingan perkhidmatan atau kesihatan dengan menikmati semua fedah persaraan.

Menurut Siva, dianggarkan lebih 12,000 anggota sektor awam bersara wajib pada tiap-tiap tahun dan ini mengakibatkan peruntukan wang yang banyak oleh kerajaan untuk pembayaran ganjaran dan pencen.

Sementara itu, naib presiden parti DAP, Dr Tan Seng Giaw berkata Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) perlu menyediakan laporan mengenai kebaikan dan keburukkan cadangan melanjutkan usia persaraan dan mengemukakannya kepada Parlimen.

Menurutnya, kerajaan harus memandang serius isu tersebut dan menggesa JPA menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi mengkaji cadangan itu. --

BERNAMA

AR DC